

Sistem perparitan punca banjir kilat – Tengku Mahkota

KUANTAN 24 Dis. - Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertitah, kejadian banjir kilat yang menyebabkan operasi di pusat bandar lumpuh kira-kira dua jam hari ini ekoran sistem perparitan yang sempit dan tidak sempurna.

Baginda bertitah, kesimpulan itu dibuat selepas baginda sendiri membuat tinjauan di udara menggunakan helikopter ketika berlakunya banjir di kawasan tersebut.

“Ketika berada di atas helikopter saya perhatikan banyak parit di kawasan berlaku banjir terlalu kecil dan sempit.

“Mungkin sudah sampai masanya kerajaan dan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) mengkaji perkara ini dan mengambil tindakan,” titah baginda kepada pemberita selepas melawat mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Galing, di sini hari ini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail dan Yang Dipertua MPK, Datuk Zulkifli Yaacob.

Tengku Mahkota turut bertanya khabar kepada mangsa banjir yang ditempatkan di situ sebanyak 302 orang daripada 64 keluarga selepas rumah mereka di sekitar kawasan Galing ditenggelami air.



TENGKU Abdullah Sultan Ahmad Shah beramah mesra dengan salah sebuah keluarga ketika melawat mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Galing, Kuantan, semalam.

Tengku Abdullah bertitah, hasil pemerhatian baginda juga mendapati kebanyakan kawasan perumahan lama di sekitar bandar itu mem-

punyai sistem perparitan yang kurang sempurna.

“Saya nampak banyak taman perumahan tidak mempunyai sistem

perparitan baik dan apabila hujan lebat tidak mampu menampung air yang banyak dan akhirnya berlaku banjir kilat.

“Saya harap lebih banyak pihak tampil untuk membantu mangsa banjir bagi meringankan beban mereka,” titah baginda.